



JABATAN PERBENDAHARAAN NEGERI SARAWAK

Tingkat 9 & 10, Bangunan Baitul Makmur II,
Medan Raya, Petra Jaya, 93050 Kuching, Sarawak, Malaysia.
Telefon: 082 – 495959

Faksimili: 082-495800 (Akauntan Negeri)
Faksimili: 082-495801 (Timb. Akauntan Negeri)
Faksimili: 082-495802 (Inspektorat)
Faksimili: 082-495803 (Kumpulan Wang Simpanan / Pencen)
Faksimili: 082-495804 (Pentadbiran dan Sumber Manusia)
Faksimili: 082-495807 (Perancangan)
Faksimili: 082-495808 (Gaji)
Faksimili: 082-495817 (Akaun)
Faksimili: 082-495990 (Hasil)
Faksimili: 082-495991 (Pengurusan Dana)



SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI SARAWAK NO. PP: 7/2022

PERKARA : RESIT RASMI ELEKTRONIK T.69 (E)

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk menguatkuasakan format T.69(E) yang dijana dari sistem untuk semua jenis terimaan dan semua mod terimaan Kerajaan Negeri di Pusat Tanggungjawab (PTJ) pemungut dan Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak (JPNS) yang menggunakan *Receipting System (RS)* dalam *Sarawak Accounting System (SAS)*.

2. LATAR BELAKANG

Pada masa kini, resit rasmi T.69 (Pindaan) dicetak menggunakan resit *pre-printed* bagi mengakui terima terimaan Kerajaan Negeri. Resit T.69 (Pindaan) ini perlu diperolehi daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad.

Bagi memastikan terimaan secara atas talian dapat diakaunkan dalam akaun Kerajaan Negeri maka format T.69 (Pindaan) telah ditambahbaik dan format T.69(E) telah diluluskan oleh Setiausaha Kewangan Negeri melalui memorandum rasmi rujukan C/SFS/271/10/T(Vol.1)(13) bertarikh 30.11.2021.

3. RESIT RASMI ELEKTRONIK T.69(E)

Memandangkan proses terimaan negeri telah dilaksanakan secara menyeluruh melalui sistem dan pembayaran boleh dibuat secara atas talian, tindakan telah diambil agar resit rasmi boleh dijana terus dari RS dengan menggunakan kertas A4 tanpa perlu menggunakan resit *pre-printed*.

- 3.1 Resit Rasmi elektronik T.69(E) (sila rujuk format seperti di Lampiran 1) hendaklah digunakan oleh semua PTJ Pemungut yang menggunakan RS untuk mengakui terima semua terimaan Kerajaan Negeri.
- 3.2 Resit rasmi elektronik T.69 (E) dikeluarkan kepada pelanggan melibatkan semua jenis terimaan dan semua jenis mod terimaan bagi Kerajaan Negeri.
- 3.3 Bagi pembayaran melalui cek, resit rasmi hanya sah apabila cek ditunaikan oleh pihak bank.
- 3.4 Proses dan prosedur terimaan sebelum ini masih berkuatkuasa dan digunapakai.
- 3.5 Pengeluaran resit secara manual, T.69 masih perlu digunakan.

4. CIRI-CIRI RESIT RASMI ELEKTRONIK T.69(E)

Resit Rasmi T.69(E) ini mempunyai ciri-ciri seperti berikut:

- 4.1 Mematuhi ciri-ciri kawalan yang ditetapkan selaras dengan Arahan Perbendaharaan 63(b).
- 4.2 Membolehkan proses kutipan pembayaran atas talian.
- 4.3 Format ini dapat mengelakkan nombor resit yang sama dijana dua kali (duplikasi).
- 4.4 Boleh dicetak di atas kertas biasa tanpa penggunaan resit *pre-printed*.

5. TANGGUNGJAWAB PTJ PEMUNGUT

- 5.1 Memastikan semua prosedur dan proses semasa terimaan dipatuhi.
- 5.2 Menjana dan menyemak Daftar Borang Hasil T.69(E) setiap hari dengan *Receipt Listing* untuk memastikan nombor resit yang digunakan adalah berturutan dan tepat.
- 5.3 Menyemak dan mengesahkan Senarai Ringkasan Terimaan (RST) adalah tepat seperti direkod PTJ.
- 5.4 Menyemak dan mengesahkan penyata bulanan yang dijana oleh Pegawai Pengawal melalui modul *General Ledger* adalah tepat dan sama seperti di rekod PTJ.

6. TARIKH KUAT KUASA

Surat Pekeliling ini adalah berkuat kuasa mulai **3 Januari 2023**.

7. PERTANYAAN


Sebarang pertanyaan atau kemusykilan, sila berhubung dengan jabatan ini di talian 082-495959.

Sekian, terima kasih.

"Tepat Ramah Yakin"

"BERSATU BERUSAHA BERBAKTI"

"AN HONOUR TO SERVE"


(HAJAH ELEAN BINTI MASA'AT)

Akauntan Negeri Sarawak

Ruj. : TRY:301004(Vol.6)/(38)

Tarikh : 12 Disember 2022

Agihan Kepada : Setiausaha Kerajaan Negeri, Sarawak
: Peguam Besar Negeri, Sarawak
: Setiausaha Kewangan Negeri, Sarawak
: Semua Setiausaha Tetap, Kementerian
: Semua Residen
: Semua Ketua Jabatan
: Semua Akauntan Perbendaharaan Bahagian

Salinan Kepada : Pengarah Audit Negeri, Sarawak

LAMPIRAN 1

CONTOH FORMAT eRESIT RASMI T.69(E)

T.69 (E)



KERAJAAN NEGERI SARAWAK
Resit Rasmi

No Resit :
Tarikh:

Diterima daripada : ABC TIMBER & SAWMILL SDN BHD

No. Kad Pengenalan/
No. Daftar Perniagaan :

Alamat :

Bil.	Perihal Terimaan	Cara Bayaran	No. rujukan bil/ Inbois/notis bayaran	Kod Akaun	Amaun (RM)
1	Royalti Hutan	TUNAI	F1210600001	R280000000000000071200	350.60

Jumlah _____

Ringgit Malaysia : Tiga Ratus Lima Puluh dan Sen Enam Puluh Sahaja
Perihal : Bayaran Royalti Hutan bagi batch no. BN10021A01-BN10021A02

Stesen : AG-Seksyen Pengurusan Dana
Jabatan : Perbendaharaan Negeri Sarawak
PTJ Pemungut : 28000075
Nama Operator : Ali bin Mohammad
Tarikh & Masa: : 16/1/2020 9:32am

Resit ini adalah cetakan komputer dan tidak perlu ditandatangani.